

# Definisi Cinta dalam Kalangan Remaja Prasiswa Muslim di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Syaidatun Nazirah A. Z.  
Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email : [syaidatun@ukm.edu.my](mailto:syaidatun@ukm.edu.my)

Maslawati M.  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Tel: +6013-3270680 E-mail: [maslawati@ukm.edu.my](mailto:maslawati@ukm.edu.my)

## Abstract

The abundance of various negative information in the mass media has resulted in many social problems such as baby dumping, rape and incest. These negative influences have adversely affected Malay youths as early as 13 years old. Some of these social problems are the results of their interpretation of love. In their interpretation, lust is the basis of love. Therefore, Malay Muslim youths should be taught the definitions of love in order to help them in selecting the appropriate platform. Over 20 years ago, Fehr and Russell (1991), has explored and developed a prototype in defining love and emotions. According to them, love and emotions are generic skills which could be applied to friendship, family relationship and others. Since then, many related studies have been carried out abroad to obtain youths' definitions of love. However, there are very limited studies on Malay Muslim youths' definitions of love. Thus, this qualitative study was embarked to identify the Malay youths' definitions of love and its sources. There were 599 respondents from 6 tertiary institutions in this study. They came from a diverse education background and academic programmes. The research instrument in this study is the open-ended questions in a survey questionnaire which are based on Fehr and Russell's prototype. The findings of this study indicate that in general, Malay

Muslim youths' defined love based on Islamic teaching. They also recognized that love is one

of the most essential aspects of life. The

researchers also discovered that friends are the respondents' primary source of knowledge. Therefore, it is high time that the subject on love should be introduced formally at tertiary institutions in order for them to be guided by the Islamic perspective. The correct understanding of love is essential in helping them to lead a more beneficial and meaningful life.

## Abstrak

Lambakan pelbagai informasi negatif dalam media massa menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti pembuangan bayi, rogol dan sumbang mahram. Pengaruh negatif ini turut mempengaruhi remaja Melayu yang berusia seawal 13 tahun. Masalah ini kebanyakannya timbul disebabkan sebahagian remaja Melayu ini mendefinisikan cinta menurut ukuran nafsu. Oleh itu, definisi cinta remaja Melayu ini perlu diajar agar ianya berada dalam landasan yang betul. Sejak lebih dari 20 tahun lepas, Fehr dan Russell (1991), telah membina dan meneroka satu prototaip dalam mendefinisikan cinta dan emosi. Menurut mereka, cinta dan emosi yang berbentuk generik dapat diaplikasikan dalam persahabatan, hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Semenjak itu, pelbagai kajian telah dilakukan di luar negara bagi mendapatkan pandangan remaja tentang definisi cinta. Namun begitu, kajian tentang definisi cinta dalam kalangan remaja Melayu Muslim di Malaysia adalah sangat terhad. Oleh itu, kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenalpasti definisi cinta

dan sumber mempelajari cinta yang diberikan oleh remaja Muslim Melayu. Kajian ini melibatkan 599 responden dari pelbagai latar belakang pendidikan dan kursus pengajian dari 6 buah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Instrumen kajian adalah soalan terbuka yang diberikan dalam soal selidik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa remaja Muslim memberikan definisi cinta turut berlandaskan kepada ajaran Islam. Dalam kajian ini, definisi cinta tersebut dibahagikan kepada tujuan cinta, bentuk cinta dan elemen cinta. Mereka juga memberi pengiktirafan terhadap cinta sebagai salah satu emosi yang terpenting dalam kehidupan. Pengkaji turut mendapati bahawa remaja Muslim paling banyak mempelajari budaya cinta melalui rakan-rakan. Justeru, definisi cinta wajar diajar secara formal di institusi pendidikan supaya mereka memperolehi kefahaman cinta yang betul dan berlandaskan agama Islam. Memahami hakikat cinta sebenar membantu remaja untuk melayari kehidupan dengan bermakna dan berguna.

**Kata kunci:** cinta, remaja, Institusi Pengajian Tinggi, Muslim, emosi

## Pengenalan

Mendefinisikan cinta bukanlah satu usaha yang mudah kerana ia melibatkan latar belakang yang berbeza dari pelbagai aspek kehidupan manusia. Masalah timbul apabila manusia mendefinisikan cinta menurut ukuran nafsu (Sternberg & Weis, 2006) mahupun tanpa landasan agama (Syaidatun, 2013). Justeru, adalah perlu usaha untuk mendefinisikan cinta dilandaskan dengan teori prototaip di mana ia dapat memberikan pencerahan bagi beberapa konsep utama dalam psikologi, termasuklah perbuatan tingkah laku (Buss & Craik, 1983), sifat keperibadian, perisikan, keadaan sosial, dan persekitaran alam sekitar. Teori ini telah memberi inspirasi kepada pendekatan baru yang penting untuk diagnosis psikiatri dan personaliti penilaian. Kajian oleh Fehr dan Russell (1991) adalah sebahagian daripada projek besar yang direka untuk meneroka aplikasi prototaip

dalam usaha untuk mendefinisikan cinta. Salah satu permasalahan yang dikenal pasti dalam memahami hakikat cinta ialah mesej cinta di luar kawalan. Menurut kajian Abdul Halim dan Zarin (2005), kewujudan bahan-bahan negatif di luar kawalan dalam media massa seperti akhbar, hiburan, VCD, DVD, TV, radio dan laman-laman sawang telah menimbulkan pelbagai masalah yang serius kepada perkembangan remaja Islam kini. Bahan-bahan negatif ini termasuklah iklan-iklan cinta yang mempamerkan budaya cinta Barat, dan pelbagai filem cinta yang tidak berlandaskan ajaran Islam. Kini, remaja Melayu telah mula bertemu dengan seawal usia di antara 13 hingga 15 tahun, dan mereka sudah mula melakukan perlakuan seksual seperti mencium dan meraba pasangan masing-masing seawal usia di antara 16 hingga 17 tahun. Kajian mereka juga menunjukkan 44% daripada remaja Islam mempelajari seks daripada kawan-kawan dan 35% mempelajarinya dengan menonton DVD dan 27% mempelajarinya melalui bahan bacaan pornografik. Bukan itu sahaja, cinta tanpa pengertian yang jelas dan tepat telah mengundang gejala sosial seperti remaja lari dari rumah, gejala buli, gengsterisme, rogol dan sumbang mahram, mat rempit, pembuangan bayi dan ketagihan seks siber (Freude, 2014; Balan, Syaidatun & Rezki, 2017).

Memandangkan gejala sosial di Malaysia semakin meluas, pembelajaran subjek cinta secara formal perlu diperkenalkan dalam kalangan remaja. Pembelajaran subjek cinta di institusi pendidikan juga sangat terhad, maka satu silibus berkenaan cinta perlu dibangunkan. Oleh itu, kajian ini menjadi perintis kepada usaha untuk membina silibus cinta tersebut. Objektif kajian ini ialah mendapatkan jawapan bagi dua persoalan kajian: (a) apakah definisi cinta dari perspektif prasiswazah Muslim di IPT di Malaysia? (b) apakah sumber mempelajari cinta dalam kalangan prasiswazah Muslim di IPT di Malaysia?

Diharap hasil kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan pengajian

cinta dipelbagai institusi pendidikan. Ianya perlu sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah keruntuhan akhlak, di samping meningkatkan jati diri dan personaliti unggul dalam kalangan remaja. Kajian ini adalah penting dan bermanfaat untuk ibu bapa, para pendidik, para kaunselor dan ahli psikologi kerana kefahaman terhadap psikologi cinta sebagaimana yang digariskan oleh Islam akan dapat membantu individu Islam terutamanya remaja menghayati cinta dengan landasan akal dan agama yang kukuh.

## Tinjauan Literatur

Pengkaji menggunakan kajian Fehr (1988) sebagai landasan untuk mengkaji definisi cinta dan emosi dalam kalangan remaja kerana kajian beliau menepati konteks kajian ini di mana soalan soal selidik dalam kajian lepas beliau digunakan. Di sini, pengkaji menyatakan perbincangan kajian-kajian Fehr berserta rakan-rakan beliau. Pengkaji turut membincangkan kajian mengenai definisi cinta dari pengkaji lain untuk membuktikan bahawa kajian Fehr sesuai bagi konteks kajian ini. Pengkaji memberi fokus kepada aspek definisi cinta sahaja dalam kajian ini.

Pada tahun 1984, Fehr dan Russell telah menjalankan kajian tentang emosi dan hasil kajian mereka menunjukkan bahawa lebih 40% dari 200 subjek yang terlibat menyatakan emosi mereka boleh dikategorikan kepada bahagia, marah, sedih, cinta, takut, benci dan gembira. Ini menunjukkan bahawa antara kategori emosi yang wujud dalam individu itu ialah cinta. Hasil kajian Sternberg dan Grajek (1984) menunjukkan emosi cinta yang berbentuk generik dapat diaplิกasikan dalam persahabatan, hubungan kekeluargaan, hubungan perkahwinan, dan sebagainya. Manakala, untuk kategori emosi yang berbentuk nafsu atau keberahanian, cinta berbentuk generik berkaitan dengan cinta romantik atau cinta seksual.

Berdasarkan kajian Shaver et al. (1987), hasil kajian mereka memperlihatkan bahawa emosi

turut mempunyai komponen cinta. Hasil kajian mereka menunjukkan persamaan dengan kajian Fehr dan Russell (1984). Menurut Shaver et al. (1987), emosi yang berkaitan dengan cinta boleh dibahagikan kepada pemujaan (*adoration*), perasaan kasih sayang (*affection*), penuh mesra dan beliaian (*fondness*), menyukai (*liking*), daya tarikan (*attraction*), mengambil berat (*caring*), kelembutan (*tenderness*), belas kasihan (*compassion*), dan sentimentaliti (*sentimentality*).

Kajian lain oleh Fehr pada tahun yang berikutnya iaitu tahun 1998, telah melibatkan responden untuk menyenaraikan ciri-ciri konsep cinta (kajian 1), dan menilai ciri-ciri khas kepada konsep cinta (kajian 2). Kajian ini melibatkan tiga fasa yang melibatkan responden yang sama. Dalam kajian 1, responden menyenaraikan semua ciri-ciri pengalaman cinta romantis. Dalam kajian 2, responden menyediakan penilaian keutamaan bagi ciri-ciri yang dikenal pasti dalam kajian 1. Akhirnya, dalam kajian 3, responden melengkapkan tugas mengingat semula ciri-ciri khas cinta romantis yang telah dinyatakan pada peringkat awal tadi. Ciri-ciri cinta ini termasuklah emosi, perasaan, pemikiran, kelakuan, tindakan atau peristiwa di samping itu berkisar kepada perkara yang positif atau negatif. Dapatkan kajian ini adalah seperti yang dijangkakan di mana keinginan seksual atau tarikan seksual menjadi faktor utama dalam ciri-ciri khas pengalaman cinta romantis seiring dengan dapatan kajian lain oleh Regan (1998). Keinginan seksual berada di tangga kedua tertinggi dari 11 keutamaan ciri-ciri khas yang dikenalpasti. Pengkaji menggunakan kajian Fehr (1988) dalam menjalankan kajian yang sama dalam konteks remaja Muslim IPTA di Malaysia kerana kajiannya lebih komprehensif dan menepati persoalan kajian.

Tiga kajian selanjutnya dijalankan oleh Fehr dan Broughton (2001) mengaitkan teori interpersonal dengan hubungan antara jantina, personaliti dan konsep cinta di mana dua hipotesis dikemukakan. Hipotesis pertama adalah wanita mengkonsepkan cinta

dari segi pemeliharaan (*nurture traits*) iaitu jenis cinta persahabatan (*companionate love*), manakala lelaki mengkonsepkan cinta dari bukan jenis pemeliharaan, iaitu jenis cinta ghairah (*passionate love*). Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kedua-dua jantina memegang konsep cinta persahabatan. Namun begitu, wanita memberikan penilaian yang tinggi kepada cinta persahabatan dan kasih sayang persaudaraan. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa jantina dan personaliti mempengaruhi pandangan seseorang terhadap cinta. Kedua-dua jantina mempunyai pandangan yang berbeza terhadap cinta persahabatan, dan perbezaan itu lebih nyata apabila melibatkan cinta ghairah. Dengan mengambil kira personaliti, terdapat bukti bahawa seseorang individu dengan personaliti memelihara, suka dengan cinta persahabatan. Manakala personaliti bukan memelihara sukakan cinta ghairah. Pemeliharaan atau *nurturance* sebagaimana yang dijelaskan oleh teori interpersonal menyediakan satu rangka kerja yang berguna untuk mengintegrasikan kajian personaliti dan perbezaan jantina dalam konsep cinta (Fehr & Broughton 2001).

Kajian Fehr dilanjutkan dengan meneroka struktur asas prototaip cinta. Penyelidik mendapati 68 ciri cinta prototaip dalam kajian Fehr (1988) boleh diklasifikasikan kepada tiga dimensi iaitu minat, kemesraan dan komitmen. Kajian ini telah direka untuk mengenal pasti ciri-ciri khas cinta romantis dan untuk menentukan bagaimana ciri-ciri ini mempengaruhi kognitif. Menurut analisis prototaip, terdapat dua kriteria yang perlu dipenuhi. Pertama, individu mestilah dapat mengenal pasti ciri-ciri khas cinta romantis dan membuat pertimbangan tentang kepentingan ciri-ciri ini. Kedua, keutamaan ciri-ciri ini harus mempengaruhi kognitif (iaitu pengiktirafan dan ingatan) tentang cinta romantis. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti ciri-ciri khas dan ciri-ciri umum cinta di samping mewujudkan tema definisi cinta iaitu tujuan, bentuk dan elemen cinta.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kaedah gabungan (*mixed method*) antara kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan borang soal selidik yang mengandungi soalan terbuka dan tertutup.

## Tempat Kajian

Lokasi kajian yang dipilih secara rawak berstrata adalah berasaskan kepada keperluan kajian. Tempat remaja Muslim beragama Islam yang dikaji ialah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Awam Islamik (IPTA-i) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jalan Semarak Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan, Universiti Selangor (UNISEL) dan *Management and Sciences University* (MSU) di Shah Alam, Selangor.

## Populasi Kajian

Populasi kajian ini merangkumi semua pelajar prasiswazah beragama Muslim yang mengambil kursus wajib universiti yang perlu diambil oleh setiap pelajar di IPT. Borang soal selidik diedar kepada kesemua pelajar Muslim yang telah mendaftarkan diri dalam kursus wajib universiti tersebut. Pelajar datang dari seluruh negeri di Malaysia dan berumur di antara 18 hingga 23 tahun. Sampel dipilih secara rambang tanpa batasan jantina. Responden terdiri dari pelbagai fakulti dan berbeza latar belakang disiplin ilmu. Sampel kajian ini telah dipilih secara rawak berstrata iaitu jenis universiti, umur responden dan tahap pengajian responden. Seramai 396 orang responden dari IPTA dan 203 orang daripada PTS. Manakala, 375 orang responden berumur di antara 18-20 tahun dan 224 orang berumur 21-23 tahun. Tahap pengajian responden yang terlibat adalah pengajian peringkat diploma dan ijazah.

Pengkaji telah melantik seorang pakar dari bidang psikologi dan seorang dari bidang pengajian Islam bagi menilai definisi-definisi cinta dan tema-tema yang telah diwujudkan untuk memperoleh kebolehpercayaan dari definisi dan tema yang dibina. Pengkaji telah membangunkan borang penilaian definisi dan tema cinta yang digunakan oleh kedua-dua pakar dalam bidang Psikologi bagi membuat penilaian

ke atas jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden. Persetujuan pakar terhadap tema definisi cinta dirujuk di Lampiran A. Setelah pakar-pakar memberi nilai persetujuan, proses pengiraan dijalankan. Berikut adalah pengiraan pekali persetujuan pakar bagi setiap tema menggunakan indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa (K) seperti dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pengiraan Cohen Kappa Persetujuan Antara Pakar

Tema	Pakar 1	Pakar 2	Nilai Persetujuan Keseluruhan
Tujuan cinta	K = 25 – 13 25 - 13  K = 12 = 1.0 12	K = 23 – 13 25 - 13  K = 10 = 0.83 12	K = 48 – 26 50 - 26  K = 22 = 0.92 24
Bentuk cinta	K = 32 - 16 32 - 16  K = 16 = 1 16	K = 28 - 16 32 - 16  K = 12 = 0.75 16	K = 60 – 32 64 - 32  K = 26 = 0.88 32
Elemen cinta	K = 36 - 19 38 - 19  K = 17 = 0.89 19	K = 37 - 19 38 - 19  K = 18 = 0.95 19	K = 73 - 38 76 - 38  K = 35 = 0.92 38

Jadual 1 menunjukkan nilai Cohen Kappa (K) bagi analisis data mengikut tema berada antara 0.88-0.92. Tema tujuan cinta dengan nilai K=0.92; bentuk cinta, K=0.88 dan elemen cinta, K=0.92. Secara keseluruhan, nilai Cohen Kappa yang diperoleh menunjukkan bahawa persetujuan pakar terhadap tema-tema komponen cinta yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## Analisis Kajian

Pengkaji menggunakan pendekatan tematik dalam menganalisis definisi cinta. Analisis tematik yang baik perlu melalui beberapa proses iaitu transkripsi, pengkodan, analisis

dan menulis laporan. Enam fasa dalam analisis tematik ialah pengkaji perlu membiasakan diri dengan data yang telah dipungut, mewujudkan kod-kod permulaan, mencari tema, menyemak semula tema, mendefinisikan tema, serta menghasilkan laporan (Braun & Clarke 2006). Data ini dikodkan mengikut tema menggunakan pengisian NVIVO.

Definisi cinta dari perspektif remaja Muslim di IPT adalah dapatkan kualitatif secara bertulis dan dalam bentuk deskriptif. Kod-kod permulaan yang diwujudkan adalah berdasarkan perkataan-perkataan yang kerap dijumpai dalam jawapan para responden. Di antara perkataan-perkataan yang kerap muncul bagi menggambarkan cinta ialah

kasih-sayang, fitrah, anugerah, pengorbanan dan banyak lagi. Seterusnya tema dicari bagi menentukan sifat-sifat yang bersesuaian dengan perkataan-perkataan yang mengambarkan definisi cinta. Tema yang ada telah disemak semula, dan akhirnya pengkaji mendefinisikan tema sebagai tema tujuan cinta, bentuk cinta dan elemen cinta. Seterusnya definisi cinta juga turut dikelaskan kepada ciri-ciri khas dan ciri-ciri umum.

Tema bagi hasil kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu ciri-ciri khas dan ciri-ciri umum. Dalam menentukan ciri-ciri khas dan ciri-ciri umum, pengkaji telah menggunakan kaedah yang telah dilakukan oleh Fehr (1988). Ciri-ciri khas adalah ciri-ciri penting yang diberikan pemberat berdasarkan kepada kekerapan jawapan responden (Regan, Kocan & Whitlock 1998). Manakala ciri-ciri umum adalah ciri-ciri sampingan yang diberikan oleh responden dengan kekerapan yang rendah dari bilangan 11. Khusus bagi kajian ini, pengkaji telah menetapkan bahawa ciri-ciri khas dalam definisi cinta menurut remaja Muslim dikenal pasti dengan kekerapannya 11 ke atas, manakala ciri-ciri umum mempunyai kekerapan 10 dan ke bawah. Oleh itu, bilangan 11 telah menjadi kayu pemisah di antara ciri-ciri umum dan ciri-ciri khas.

### Dapatkan Kajian dan Perbincangan

#### Ciri-Ciri Khas, Ciri-Ciri Umum dan Tema Definisi Cinta

Kajian ini adalah untuk mencari jawaban bagi dua soalan kajian iaitu:

*apakah definisi cinta dari perspektif prasiswazah Muslim di IPT di Malaysia?*

*apakah sumber mempelajari cinta dalam kalangan prasiswazah Muslim di IPT di Malaysia?*

Pengkaji akan memberi jawapan berkenaan definisi cinta dari perpektif prasiswazah

Muslim di IPT di Malaysia. Definisi cinta ini dibahagikan kepada tiga sub-kategori kecil iaitu (a) tujuan cinta, (b) bentuk cinta dan (c) elemen cinta. Responden dilabel sebagai R. Soal selidik untuk dikajian ini dikepulkan di bahagian Lampiran.

#### Definisi Cinta

Definisi cinta bagi kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu ciri-ciri khas dan ciri-ciri umum berdasarkan kepada frekuensi kekerapan istilah-istilah yang digunakan bagi mendefinisikan cinta. Ciri-ciri khas bagi definisi cinta menurut remaja Muslim di IPT ialah kasih sayang, cinta Allah dan Rasullulah, cinta makhluk, cinta keluarga dan ibu bapa, fitrah, anugerah, perasaan, hubungan berlandaskan syariah, universal, pengorbanan, subjektif, motivasi, ikhlas, perlakuan cinta, penyatuan dua hati, komitmen, hubungan selepas perkahwinan, indah, persefahaman, ikatan, kejujuran dan perkongsian.

Manakala ciri-ciri umum bagi definisi cinta menurut remaja Muslim di IPT pula ialah nafsu, kepercayaan, cinta itu buta, keperluan, hubungan sebelum perkahwinan, keinginan untuk berpasangan, perjudian kasih sayang, sejati, cinta diri sendiri, cinta ilmu, melengkap, melindungi, memiliki, cinta kebaikan, tolak ansur, hormat, penerimaan, cinta agama, berkorban, belas kasihan, harapan, persahabatan, taat setia, prihatin, mulia, perubahan dan proses mencari pasangan.

Menerusi hasil dapatan kajian ini, pengkaji boleh menyimpulkan bahawa analisis definisi cinta yang diberikan oleh prasiswazah Muslim IPT di Malaysia ialah satu perasaan kasih sayang kepada Tuhan dan makhluk, fitrah anugerah Tuhan merangkumi hubungan universal berlandaskan syariah yang disertai oleh pengorbanan, motivasi, keikhlasan, persefahaman, kejujuran, perkongsian, penyatuan dua hati dan perlakuan cinta terutama bagi hubungan selepas perkahwinan. Secara umumnya, perasaan cinta menjurus kepada

cinta kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, ibu bapa, keluarga serta sesama makhluk.

Terdapat tiga subkategori yang wujud hasil interpretasi definisi-definisi cinta ini. Tiga

subkategori ini dibahagikan kepada tujuan cinta, bentuk cinta, dan elemen cinta seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Tema Definisi Cinta dari Perspektif Remaja Muslim

Tema		Ciri-ciri	
Tujuan Cinta	Kasih sayang Cinta Allah SWT Cinta makhluk Cinta Rasulullah SAW Cinta ibu bapa	Cinta keluarga Keperluan Keinginan untuk berpasangan Cinta diri sendiri Cinta ilmu	Cinta kebaikan Cinta agama Proses mencari pasangan
Bentuk Cinta	Fitrah Anugerah Perasaan Hubungan berlandaskan syariah Universal Subjektif	Ikhlas Penyatuan dua hati Hubungan selepas perkahwinan Indah Ikatan	Cinta itu buta Hubungan di antara lelaki dan perempuan Perjudian kasih sayang Sejati Melengkapi
Elemen Cinta	Pengorbanan Motivasi Perlakuan cinta Komitmen Persefahaman Kejujuran Perkongsian	Nafsu Kepercayaan Melindungi Memiliki Tolak ansur Hormat Penerimaan	Belas kasihan Harapan Persahabatan Taat setia Prihatin Mulia

soalan tentang ‘Tujuan Cinta’.

## Tujuan Cinta

Bagi tujuan cinta, ia dilihat dari perspektif kepada siapa perasaan cinta tersebut ditujukan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, perasaan cinta dizahirkan oleh responden melalui soalan terbuka dalam soal selidik dengan tujuan untuk menggambarkan perasaan kasih sayang sesama makhluk, kecintaan terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW, cinta ibu bapa, cinta keluarga, keperluan, keinginan untuk berpasangan, cinta diri sendiri, cinta ilmu, cinta kebaikan, cinta agama dan proses mencari pasangan. Kesimpulan ini dirumus melalui jawapan responden dari soalan terbuka dalam borang soal selidik. Responden-responden ini menjawab

*Sebagai seorang Muslim, cinta terhadap Allah SWT itu perlulah ada dalam semua orang (R159).*

*Tiada cinta seagung cinta Allah (R162).*

*Biasanya orang melabelkan cinta kepada jantina yang berlainan tetapi saya rasa ia merangkumi kepada seluruh makhluk (R001).*

*Hubungan antara insan, haiwan dan lain-lain atas dasar kasih sayang (R013).*

*Cinta pada kedua-dua ibubapa yang telah melahirkan kita dan mencari nafkah untuk menyara anak-anak (R332).*

*Cinta kepada kedua-dua ibu bapa (R233).*

*Sayang antara seseorang terhadap keluarga (R428).*

*Cinta kepada keluarga (R121).*

*Cinta kepada diri sendiri (R080).*

*Menyayangi diri sendiri (R462).*

*Cinta kepada agama (R455).*

*Cinta terhadap agama Islam (R197).*

Berdasarkan temubual responden, perasaan cinta diterjemah kepada pelbagai aspek dan perasaan cinta ditujukan kepada Allah ditekankan. Ini dapat dibuktikan dari responden (R159) menyatakan “*Sebagai seorang Muslim, cinta terhadap Allah SWT itu perlulah ada dalam semua orang*” dan responden (R162) menyatakan “*Tiada cinta seagung cinta Allah*”.

Selain itu, responden (R455) dan (R197) masing-masing menyatakan “*Cinta kepada agama*” (R455) dan “*Cinta terhadap agama Islam*”. Ini menunjukkan bahawa cinta terhadap tuhan harus menjadi cinta yang abadi dan agung agar kehidupan kita tidak terpesong dan sentiasa berlandaskan ajaran Islam. Di samping itu, cinta terhadap manusia dan mahluk lain juga menjadi intipati dalam aspek kehidupan dimana responden menyatakan “*Cinta kepada kedua-dua ibu bapa*” (R233), “*Sayang antara seseorang terhadap keluarga*” (R428)”. Manakala responden (R001) menyatakan “*Biasanya orang melabelkan cinta kepada jantina yang berlainan tetapi saya rasa ia merangkumi kepada seluruh makhluk*” dan responden (R013) menyatakan “*Hubungan antara insan, haiwan dan lain-lain atas dasar kasih sayang*”. Berdasarkan analisis transkrip temubual, perasaan cinta bersifat luas dan universal .

## **Bentuk Cinta**

Rupa bentuk sesebuah cinta ialah cinta yang digambarkan dalam bentuk perhubungan, pertalian atau perkaitan. Antaranya ialah fitrah, anugerah, perasaan, hubungan berlandaskan syariah, universal, subjektif, ikhlas, penyatuan dua hati, hubungan selepas perkahwinan, indah, ikatan, cinta itu buta, hubungan di antara lelaki dan perempuan, perjudian kasih sayang, sejati dan melengkapi.

Jawapan soalan terbuka responden dalam soal selidik menunjukkan bahawa responden faham bahawa cinta adalah berbentuk fitrah dan anugerah.

*Cinta adalah fitrah manusia – ada pada setiap orang (R561).*

*Cinta adalah satu anugerah daripada Allah (R117).*

Cinta juga berbentuk perasaan, universal dan hubungan berlandaskan syariah seperti yang dinyatakan oleh responden dalam borang soal selidik.

*Maksud cinta adalah perasaan yang wujud dari hati (R203).*

*Cinta yang tulus dan ikhlas dan sejahtera dengan hukum Islam insya-Allah akan berakhir dengan sebuah ikatan yang suci (R461).*

Berdasarkan jawapan responden, cinta dapat disimpulkan dalam pelbagai bentuk yang menjalinkan sesuatu perhubungan samada hubungan kepada Allah mahupun manusia. Hal ini dapat dijelaskan dimana responden memberi maklumbalas “*Cinta adalah fitrah manusia – ada pada setiap orang*” (R561). Allah menciptakan kita lengkap dari segi fizikal, rohani dan emosi merangkumi perasaan yang disemat saat dilahirkan ke dunia. Kesedaran serta kewujudan cinta dikalangan responden terbukti apabila mereka menyatakan, “*Cinta adalah satu anugerah daripada Allah*” (R117).

Bentuk cinta yang dizahirkan kepada manusia melahirkan sebuah ikatan yang indah seperti perasaan cinta terhadap ibu bapa, perasaan cinta terhadap adik-beradik, dan rakan-rakan. Ianya bertujuan agar kita selalu dikelilingi dengan kasih sayang dan dijauhkan dari segala perasaan jahat dan dengki.

### Elemen Cinta

Elemen cinta pula bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri yang diperlukan dalam sesebuah percintaan (Fehr 1988). Antaranya ialah pengorbanan, motivasi, perlakuan cinta, komitmen, persefahaman, kejujuran, perkongsian, nafsu, kepercayaan, melindungi, memiliki, tolak ansur, hormat, penerimaan, berkorban, belas kasihan, harapan, persahabatan, taat setia, prihatin dan mulia.

Hasil kajian menunjukkan responden merasakan cinta memerlukan komitmen yang tinggi. Komitmen di sini bermaksud pasangan perlu memastikan kebahagiaan pasangan masing-masing. Pasangan perlu mempunyai sifat mengambil berat, menjalankan tanggungjawab dan mempunyai kasih sayang antara satu sama lain.

*“Apabila bersedia memberi komitmen kepada pasangan dengan memastikan kebahagiaan masing-masing serta mempunyai sifat mengambil berat dan kasih sayang” (R467).*

*“Cinta mengajar seseorang itu mengenal erti tanggungjawab” (R317).*

Dua orang daripada responden (R003, R108) menyatakan bahawa cinta memerlukan pengorbanan. Pengorbanan di sini merujuk kepada pengorbanan dari segi masa dan tenaga kepada orang yang dicintai. Ini boleh dilihat dari kenyataan bagi item terbuka di bawah:

*“Perasaan kasih terhadap seseorang yang dicirikan dengan pengorbanan demi kebahagiaan yang dicintai. Maka cinta adalah pengorbanan” (R003).*

*“Cinta memerlukan pengorbanan. Pengorbanan tersebut termasuklah masa, tenaga” (R108).*

Sebahagian dari responden menyatakan cinta boleh menghidupkan memberikan motivasi kepada orang yang dicintai tersebut. Ini menyebabkan seseorang menjadi lebih kuat melalui pelbagai cabaran hidup. Seterusnya, semangat inilah yang memberikan kekuatan demi membahagiakan pasangan masing-masing.

*“Cinta dapat menghidupkan semangat kepada seseorang” (R423).*

Cinta juga memerlukan kejujuran dan keikhlasan (“*Perkara paling penting dalam cinta adalah kejujuran*”, R479). Responden R510 menambah bahawa bagi beliau, untuk memastikan cinta boleh dipupuk dengan baik, persefahaman juga sangat perlu kerana ia melibatkan individu yang berbeza (*“Cinta memerlukan kesefahaman antara satu sama lain”*, R510).

Didapati dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rubin (1970) dan Sternberg (1987) di mana terdapatnya elemen kasih sayang dan hubungan romantik di antara individu yang bercinta. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati terdapat perbezaan dari sudut cinta, sayang dan suka daripada perspektif Barat dan Islam. Aspek yang berbeza itu adalah dari sudut kerohanian di mana remaja Muslim mengaitkan cinta dengan Allah SWT dan Rasulullah SAW, sedangkan aspek ini sangat kurang diperkatakan oleh pengkaji cinta Barat melainkan mereka yang melihat kepentingan cinta dari sudut psikologi dan agama. Sebagai contoh, Peck (1990) dan Van Cappellen et al. (2016) menyarankan bahawa agama memainkan peranan dalam pembentukan personaliti individu, dan menggunakan pendekatan cinta dalam agama sebagai usaha untuk mendidik dan mendekati anak-anak. Menurut beliau, cinta dan agama kedua-duanya sama penting dan ia adalah elemen yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian.

Manakala, konsep cinta dan seks yang dibawakan oleh Freud (1963, 2007) bercanggah dengan ajaran Islam kerana ia meletakkan pemusatan kepada memuaskan hawa nafsu sebagai perkara pokok dalam sesuatu hubungan cinta baik hubungan di antara lelaki dan perempuan, ibu bapa dan anak-anak, adik-beradik, mahupun hubungan sesama jantina. Selain dari itu, kajian Regan, Kocan dan Whitlock (1998) dan Scarfone (2018) mendapati bahawa dorongan seksual adalah salah satu ciri-ciri khas atau sentral dalam cinta romantik. Ternyata ini bertentangan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan dorongan seksual adalah ciri-ciri umum dalam definisi cinta. Ini mungkin kerana kefahaman agama yang ada pada responden kajian ini sedikit sebanyak mempengaruhi kefahaman umum mereka terhadap cinta, dan kebanyakan responden belum berkahwin lagi, maka mereka tidak memandang dorongan seksual sebagai satu elemen atau ciri-ciri yang sangat penting. Di samping itu, dapatan ini juga membuktikan bahawa masih ramai lagi remaja yang mementingkan kesucian dan maruah diri kerana kebanyakan mereka tidak meletakkan dorongan nafsu atau seksual sebagai asas dalam sesebuah percintaan.

Konsep cinta dari pengkaji Barat seperti kajian Freud (1963, 2007) yang menyatakan pelbagai permasalahan psikologi berpunca dari nafsu dan pemikiran semata-mata adalah tidak menyeluruh dan bercanggah dengan konsep cinta berlandaskan ajaran Islam. Beliau memberikan gambaran seolah-olah kemahuan seksual yang tidak terpenuhi dengan sempurna, ataupun terencat disebabkan oleh penderaan seksual sejak alam kanak-kanak adalah punca kepada permasalahan cinta dan seks yang berlaku dalam alam dewasa. Tidak dinafikan bahawa keperluan seksual adalah penting untuk kebanyakan manusia, akan tetapi dengan memahami hakikat cinta yang mempunyai pelbagai jenis dan variasi, kajian ini menegaskan bahawa seks adalah salah satu daripada ciri-ciri sampingan cinta, bukanlah ia yang paling utama ataupun fundamental. Ini kerana dalam Islam, cinta paling utama ialah kepada Tuhan, bukan

kepada pemuasan nafsu syahwat. Pemuasan nafsu kepada yang halal, iaitu pasangan suami ataupun isteri, adalah satu bentuk ibadah. Akan tetapi, kecintaan kepada Allah adalah satu bentuk peribadatan yang tertinggi. Cinta kepada Allah bukan hanya boleh dicapai oleh golongan wali, alim ulama mahupun nabi-nabi, akan tetapi ia juga boleh dinikmati oleh insan biasa walau sehina manapun kedudukannya di sisi manusia, pada suatu ketika dahulu (al-Ghazali 1967; al-Qaradhawi 2009).

*Apakah sumber mempelajari cinta dalam kalangan prasiswazah Muslim di IPT di Malaysia?*

Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai sumber remaja mempelajari cinta. Jadual 3 ialah pecahan sumber mempelajari cinta. Rakan-rakan adalah penyumbang yang tertinggi iaitu seramai 391 orang (65.3%) diikuti dengan bahan bacaan 332 orang (55.4%), keluarga 234 orang (39.1%), sekolah/universiti 219 orang (36.6%), lain-lain 148 orang (24.7%) dan guru/pensyarah 114 orang (19.0%). Sementara sumber lain-lain adalah terdiri daripada seramai 61 orang bagi kategori diri sendiri, 61 orang kategori media massa, 14 orang kategori persekitaran dan 2 orang kategori berasaskan pembacaan Qur'an dan hadis sebagai sumber mempelajari cinta mereka (Jadual 3)

Jadual 3 Sumber Mempelajari Cinta

Kategori	Bilangan Responden	Peratus
Kawan	391	65.3
Bahan bacaan	332	55.4
Keluarga	234	39.1
Sekolah / Universiti	219	36.6
Guru / Pensyarah	114	19.0
Lain-lain	148	24.7

Responden turut mengutarakan beberapa jawapan lain-lain iaitu diri sendiri, media massa, persekitaran dan wahyu. Seramai 61

orang responden memilih kategori diri sendiri, 61 orang responden memilih kategori media massa, 14 orang responden memilih kategori persekitaran dan 2 orang responden memilih kategori wahyu sebagai sumber mempelajari cinta mereka.

Bagi kategori diri sendiri ia datang dari hati sendiri, hati dan naluri, ilham, jiwa, keinginan dan belajar sendiri, pandai dengan sendirinya, pengalaman hidup, pengalaman sendiri, perasaan ingin tahu, semula jadi, ideologi sendiri, kematangan, kehidupan dan perasaan sendiri. Kategori media massa pula terdiri daripada media cetak (novel dan komik) dan media elektronik (internet, filem, drama, televisyen, cerita, radio, wayang, video, lagu cinta dan lagu nasyid). Kategori persekitaran terdiri daripada usrah, persekitaran, masyarakat, ceramah, dunia luar, kursus perkahwinan dan mengenali seseorang. Seterusnya kategori wahyu terdiri daripada al-Qur'an, Sunah dan sejarah Nabi.

Menurut kajian ini, sumber utama mempelajari cinta dalam kalangan pelajar prasiswazah Muslim di IPT ialah menerusi rakan-rakan. Ini menunjukkan bahawa remaja banyak dipengaruhi oleh faktor luaran terutamanya rakan sebaya. Remaja banyak menghabiskan masa dengan rakan sebaya di sekolah dan di IPT dan mereka mengetahui mengenai cinta dengan bersempang, berkongsi pengalaman dan perasaan dengan rakan sebaya. Remaja bebas memilih kawan. Ini bertetapan dengan teori perkembangan moral (Kohlberg 1971) pada peringkat kelima di mana kesedaran terhadap hak individu menjadikan remaja mudah terikut-ikut dengan kumpulan yang diikutinya kerana di situ terdapat unsur demokrasi dan kebebasan untuk memilih. Justeru, sekiranya rakan sebaya mereka baik, maka mereka juga akan berkelakuan baik. Sebaliknya, jika rakan sebaya mereka berperangai kurang baik, maka mereka juga akan berkelakuan kurang baik. Maka, usaha-usaha untuk mendidik konsep cinta yang betul perlu dilakukan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan institusi

pengajian tinggi kerana pada usia ini mereka lebih banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Usaha ini penting supaya kefahaman yang tepat mengenai konsep cinta dalam Islam dan akhlak percintaan dapat disampaikan dengan lebih efektif. Seterusnya usaha ini akan dapat membimbing remaja untuk menjaga kehormatan diri dan menjauhi zina.

Bahan bacaan adalah sumber kedua tertinggi bagi remaja responden mempelajari mengenai cinta. Terdapat banyak bahan bacaan yang menarik dan komprehensif mengenai cinta antaranya akhbar tabloid '*I Luv Islam*' yang menyebarkan kefahaman cinta dalam Islam. Majalah Islamik seperti Gen-Q, Nur dan Solusi turut menyisipkan ruangan khas mengenai cinta dalam setiap keluarannya. Namun remaja mudah terpengaruh dengan majalah hiburan, novel Barat, dan komik-komik cinta yang memberikan gambaran yang salah atau negatif mengenai cinta. Bahan bacaan yang terdiri dari pendakwah bebas popular seperti karya Mohd Fadhilah Kamsah, HM Tuah, Hasrizal, Pahrol Juoi, Fatimah Syarha, dan Farhan Hadi menjadi tarikan golongan remaja mendalami konsep cinta.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keluarga merupakan sumber ketiga bagi remaja untuk mempelajari cinta namun dalam budaya Melayu, soal cinta mahupun seks jarang dibincangkan oleh ibu bapa. Implikasi daripada jurang dalam perhubungan ibu bapa dan anak-anak, menjadikan mereka mencari rakan atau kekasih bagi mengisi kekosongan tersebut. Seharusnya ibu bapalah insan yang mula-mula dicintai oleh anak-anak, sehingga ke akhir hayat. Selain dari itu, adik-beradik juga berperanan untuk mengajar konsep cinta di antara satu sama lain. Kajian mengenai faktor hubungan ibu bapa-anak telah diperdalamkan lagi oleh pengkaji-pengkaji lain yang memberikan tumpuan ke atas aspek perapatan. Hubungan yang rapat antara ibu bapa dengan anak membuat remaja berasa dihargai dan mendapat sokongan daripada ibu bapa apabila mereka memerlukannya. Selain itu, ibu bapa juga terlibat secara langsung dalam

hubungan romantik dalam kalangan remaja. Kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa aspek perapatan antara ibu bapa-anak penting sebagai satu mekanisma untuk menghalang anak-anak terjebak dengan kegiatan salah laku.

Insitusi pendidikan iaitu sekolah dan universiti menduduki tempat keempat dan guru dan pensyarah sebagai sumber kelimasebagai sumber untuk mempelajari cinta. Sepanjang kajian ini dilakukan, pengkaji mendapatkan bahawa belum ada lagi mana-mana sekolah mahupun IPT yang menjadikan cinta sebagai salah satu subjek pengajaran. Empat subjek yang ada menyebut mengenai cinta ialah psikologi sosial, pendidikan seks, keibubapaan dan Tasawwuf. Walau bagaimanapun, subjek-subjek ini hanya ditawarkan untuk golongan tertentu sahaja dan hanya menjadi sub-topik merentas kurikulum. Tiada subjek khusus “cinta” diajarkan di Malaysia, melainkan dalam forum-forum, syarahan-syarahan umum dan program-program realiti di TV.

Dalam kategori ‘lain-lain’ dalam sumber mencari cinta, responden menyatakan bahawa mereka mempelajari mengenai cinta secara semulajadi, melalui media massa, persekitaran dan bersumberkan Qur'an dan Sunnah. Responden yang mengetahui cinta secara semulajadi tahu mengenai cinta dengan sendirinya tanpa sesiapa yang mengajari atau memberitahu. Hakikatnya cinta adalah fitrah dalam diri manusia yang ingin dicintai dan menyintai. Remaja yang berfikiran rasional dan berakhhlak ketika bercinta adalah mereka yang mampu dan berupaya untuk mengawal diri, kehormatan dan maruah keluarga. Individu juga berupaya untuk mengetahui mengenai cara gaya cinta yang mereka alami dengan mengaitkan ia dengan pengalaman seksual mereka. Cinta juga boleh difahami melalui biologi atau fizikal individu. Justeru, cinta memang boleh difahami oleh individu secara semulajadi melalui pemikiran, kefahaman, biologi dan pengalaman-pengalaman peribadi. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa ramai

lagi yang masih belum mengetahui bahawa terdapat banyak ayat-ayat Qur'an dan Hadis yang menyebut soal cinta. Pengkaji telah mendapatkan bahawa terdapat lebih daripada 70 ayat dalam Qur'an yang ada menyentuh mengenai cinta dan benci, dan lebih daripada 300 hadis menyentuh mengenai cinta dalam kehidupan (Syaidatun, Rozmi & Fazilah 2010). Memandangkan cinta adalah fitrah, maka ia adalah satu perasaan yang dirasai dan dinikmati oleh individu sejak dari bayi lagi. Adalah tidak mustahil apabila responden menjawab bahawa mereka mengetahui mengenai cinta melalui pengalaman peribadi atau buah fikiran sendiri, kerana hanya individu yang mengalami sendiri sahaja tahu apa yang dimaksudkan dengan sebuah percintaan.

Walau bagaimanapun, daripada seramai 599 responden kajian ini, hanya 2 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa mereka mempelajari cinta melalui Qur'an dan Hadis Nabi. Pengkaji percaya bahawa sudah tentu terdapat lebih dari dua orang responden yang membaca al-Qur'an dan Hadis setiap hari, tetapi mereka tidak menyedari hakikat bahawa terdapat banyak ayat-ayat Qur'an dan Hadis yang menyebut soal cinta. Dalam pencarian pengkaji untuk memahami hakikat cinta, pengkaji telah menemui lebih dari 70 ayat-ayat yang menyentuh soal cinta dan benci dalam al-Qur'an dan terdapat lebih dari 300 buah hadis yang menyebut soal cinta dalam Islam (Syaidatun et al. 2010). Justeru, bertepatan dengan dapatan kajian ini, pengkaji menegaskan pengajaran cinta secara formal melalui institusi pendidikan, individu akan mendapat ilmu yang benar dan tepat mengenai cinta. Selain itu, ilmu psikologi cinta perlulah ‘dihadupkan semula’ dalam kalangan umat Islam kerana ia pernah disemarakkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat pada zaman kegemilangan Islam dahulu (Saqeb 1999).

## KESIMPULAN

Bagi peringkat individu, remaja digalakkan untuk memperkasakan kefahaman dan aspek

praktikal mengenai cinta melalui pendedahan yang diberikan di sekolah dan institut pengajian tinggi. Remaja perlu diberi peluang untuk mendalamai ilmu cinta di sekolah dan institut pengajian tinggi, justeru itu satu pengajian ilmu cinta haruslah digubal secara serius dan komprehensif supaya ia boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Setiap individu sewajarnya menguasai dan mengamalkan kefahaman cinta dalam kehidupannya sebagai individu, ahli keluarga, anggota masyarakat dan secara global. Pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan perlu mengambil kira kefahaman remaja yang ditemui melalui temubual secara mendalam supaya fenomena sebenar cinta dalam kalangan remaja dan pelajar dapat dilihat dengan lebih halus dan tepat.

Implikasi lain dari kajian ini ialah pengkaji berpendapat sudah tiba masanya agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan subjek cinta dalam sistem pendidikan Malaysia. Ini bertepatan dengan seruan yang telah dilakukan oleh Saqeb (1999) bahawa sistem pendidikan perlulah dipertingkatkan mutunya dengan memasukkan elemen-elemen cinta seperti yang termaktub dalam Qur'an dan Sunnah. Justeru, pengkaji melihatkan kepentingan untuk mendidik remaja mengenai cinta di institusi-institusi pengajian yang formal. Subjek cinta pernah diajarkan di University of Southern California oleh Leo Buscaglia dan subjek ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pelajar. Pelbagai forum, simposium dan persidangan telah diadakan atas nama ‘cinta’. Fenomena kajian cinta masih terlalu baru di Malaysia, justeru hanya syarahan dan forum cinta sahaja yang dapat dikesan, belum lagi ada simposium atau persidangan mengenainya.

Selain dari pihak dari Kementerian Pendidikan Malaysia, ibu bapa merupakan pihak terdekat dengan anak-anak terutamanya para remaja. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menetapkan platform media massa yang bersesuaian dengan anak-anak (Elkind 1993; Nikken & Schols 2015). Ini kerana media

massa merupakan sumber mempelajari cinta kerana rancangan televisyen, internet, radio banyak memaparkan rancangan berkait cinta seperti iklan berpasangan, filem-filem dan lagu-lagu cinta. Media massa dan alat komunikasi berada sangat dekat dengan remaja. Peranan yang dimainkan oleh kemudahan teknologi memudahkan remaja mudah mendapat akses kepada informasi mengenai cinta, samaada dalam bentuk positif mahupun negatif. Ibu bapa juga patut memberi pendedahan kepada para remaja kepada lagu-lagu berbentuk cinta yang positif dan berbentuk keagamaan. Lagu-lagu berbentuk ketuhanan dan bersifat universal memainkan peranan penting dalam mendidik remaja mengenai kefahaman cinta seperti lagu Utusan Terakhir dari Raihan dan Sholla Ala Muhammad dari Opick.

Masyarakat juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk persekitaran yang positif kepada para remaja. Persekutaran menyumbang kepada remaja untuk memahami hakikat cinta disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Zajonc (2006), dan Ismail dan Osman (2017). Konsep cinta yang universal dapat difahami melalui persekitaran negara yang aman dan sentosa. Misalnya papan tanda yang memaparkan cogan kata, ‘Cintai Bahasa Kita’, ‘Cintailah Sungai Kita’, ‘We Love Malaysia’, dan sebagainya. Selain itu, masyarakat turut perlu terlibat dalam usaha-usaha pendidikan dan pentarbiyan yang diterima oleh para remaja melalui usrah rasmi universiti atau usrah dan halaqah umum, ceramah-ceramah, syarahan-syarahan dan forum-forum umum yang berkisar soal cinta turut meningkatkan kefahaman para remaja mengenai cinta dalam Islam.

## RUJUKAN

al-Ghazali, al-Imam A'bi Hamid Muhammad bin Muhammad. (1967). *Ihya 'Ulum al-Din*, al-Juzu' al-Thalith, Qaherah: Muassasah al-Halabi wa syarakahu li nasyri wa al-Tauzi'.

Al-Qaradhawi, Y. (2009). *Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam*. Terj. Abu Jabir

- Muhammad. Malaysia: Perniagaan Jahabersa.
- Abdul Halim T. & Zarin I. (2005). Nilai akhlak dan pengaruh media massa di kalangan remaja Islam luar bandar. *Islamiyyat*, 27(2), 57-70.
- Balan R., Syaidatun Nazirah A. Z. & Rezki P. S. (pnyt.). (2017). *Remaja, Gejala Sosial & Pencegahan*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Buss, D. M., & Craik, K. H. (1983). The act frequency approach to personality. *Psychological Review*, 90(2), 105.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, California: Sage.
- Elkind, D. (1993). Adolescents, parenting, and the media in the twenty-first century. *Adolescent Medicine: State of the Art Reviews*, 4(3), 599-606.
- Fehr, B. (1988). Prototype analysis of the concepts of love and commitment. *Journal of Personality and Social Psychology*, 4, 557-579.
- Fehr, B. & Broughton, R. (2001). Gender and personality differences in conceptions of love: An interpersonal theory analysis. *Personal Relationships*, 8, 115-136.
- Fehr, B., & Russell, J. A. (1991). The concept of love viewed from a prototype perspective. *Journal of Personality and Social Psychology*, 60(3), 425.
- Fehr, B., & Russell, J. A. (1984). Concept of emotion viewed from a prototype perspective. *Journal of Experimental Psychology: General*, 113, 464-486.
- Fehr, B. (1988). Prototype analysis of the concepts of love and commitment. *Journal of Personality and Social Psychology*, 4, 557-579.
- Freud, S. (1963). *Sexuality and the Psychology of Love*. U.S.A.: Simon & Schuster Inc.
- Freud, S. (2007). *The Psychology of Love*. Terj. Shaun Whiteside. UK.: Penguin Books.
- Freud, S. (2014). *On the Universal Tendency to Debasement in the Sphere of Love*. Read Books Ltd.
- Ismail, R., & Osman, H. (2017). Relationship Between Islamic Concept And Ethical Behaviour (Akhlak) of Being in Love among Youth. *Akademika*, 87(3), 5-16.
- Kohlberg, L. (1971). Stages of moral development. *Moral education*, 23-92.
- Nikken, P., & Schols, M. (2015). How and why parents guide the media use of young children. *Journal of child and family studies*, 24(11), 3423-3435.
- Peck, M. S. (1990). *The Road Less Travelled: A New Psychology of Love, Traditional Values and Spiritual Growth*. London: The Random House.
- Regan, P. C., Kocan E. R. & Whitlock, T. (1998). Ain't love grand! A prototype analysis of the concept of romantic love. *Journal of Social and Personal Relationships* 15(3), 411-420.
- Rozmi Ismail. (2010). *Psikologi Sosial*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rubin, Z. (1970). Measurement of romantic. *Journal of Personality and Social Psychology*, 16 (2), 265-273.
- Saqeb, Ghulam Nabi. (1999). The psychology of love in Muslim education. *Muslim Education Quarterly*, 16(3), , 38-55.
- Scarfone, D. (2018). Sexual and actual.

In *Infantile sexuality and attachment* (pp. 97-110). Routledge.

Shaver, P., Schwarts, J., Kirson, D., & O'connor, C. (1987). Emotion knowledge: further exploration of a prototype approach. *Journal of Personality and Social Psychology*. Vol. 52, No. 6, 1061-1086.

Sternberg, R. J. (1988). Preface. Dlm. Sternberg, R. J. and Barnes, M. L. (pnyt.). *The Psychology of Love*, pp. vii-xii. New Haven, Conn.: Yale University Press.

Sternberg, R. J. & Weis, K. (2006). *The New Psychology of Love*. U.S.A.: Yale University Press.

Syaidatun Nazirah A. Z. (2013). Kefahaman Remaja Melayu Terhadap Konsep Cinta Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Pemikiran Rasional Dan Akhlak Percintaan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syaidatun Nazirah A. Z., Rozmi I. & Fazilah I. (2010). Educating the ethics of loving among adolescents: An Islamic perspective. *The International Conference on Ethics & Professionalism Sustainable Science, Technology and Society*, Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, 1-2 December 2010.

Van Cappellen, P., Toth-Gauthier, M., Saroglou, V., & Fredrickson, B. L. (2016). Religion and well-being: The mediating role of positive emotions. *Journal of Happiness Studies*, 17(2), 485-505.

Zajonc, A. (2006). Love and knowledge: Recovering the heart of learning through contemplation. *Teacher College Record*, 108, 1742-1759.

